

22 APR 1998

ACCCIM SAMBUT BAIK LANGKAH MTEN UTK TURUNKAN KADAR FAEDAH

KUALA LUMPUR, 22 April (Bernama) -- Persatuan Dewan Perniagaan dan Industri Cina Malaysia (ACCCIM) menyambut baik pengumuman oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) sedang menimbangakan langkah-langkah untuk menurunkan kadar faedah.

"Kadar faedah berada dalam aliran meningkat sejak separuh kedua 1997 dan kenaikan yang berterusan itu telah membebankan masyarakat perniagaan yang terpaksa menanggung kos tinggi dalam kedua-dua operasi dan pengeluaran perniagaan mereka," kata persatuan itu dalam satu kenyataan.

Kos perniagaan yang ditanggung itu telah menyebabkan kenaikan dalam kos barangan dan perkhidmatan dan tidak dapat dielakkan akan mencetuskan tekanan inflasi, demikian menurut persatuan itu.

Ia menyatakan kadar faedah tinggi tidak membantu bagi pemulihan ekonomi kerana banyak syarikat akan cenderung untuk mengambil sikap "tunggu dan lihat", menahan daripada membuat pinjaman dan menanggungkan projek pengembangan perniagaan bagi mengurangkan risiko kewangan.

"Langkah oleh MTEN untuk mengambil pendekatan seimbang dan menetapkan kadar faedah pada paras yang boleh diterima akan membantu untuk meringankan bebanan kewangan syarikat serta meningkatkan keyakinan di kalangan masyarakat perniagaan dalam memberi tenaga semula kepada aktiviti dan pengembangan perniagaan mereka.

"Dalam usaha untuk menurunkan secara perlahan-lahan kadar faedah, selain daripada keperluan untuk menyederhanakan kadar deposit dan kos dana, institusi kewangan mestilah juga merancang usaha untuk meningkatkan kecekapan dalam operasi untuk mencapai penurunan berkesan dalam kadar berian pinjaman asas (BLR)," menurut kenyataan itu.

ACCCIM menambah institusi kewangan juga mestilah mengurangkan margin atau mengembangkan BLR agar kadar faedah boleh diturunkan untuk menggalakkan pertumbuhan perniagaan. -- BERNAMA

NLY ZK os